

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : YB LIM GUAN ENG
TARIKH : 14 JUN 2010 (ISNIN)
SOALAN :

YB Lim Guan Eng [Bagan] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status siasatan kes penipuan sebanyak RM5.4 juta dalam projek pembangunan semula Pelabuhan Swettenham bernilai RM65 juta di Pulau Pinang oleh pihak kontraktor. Apakah sebabnya tiada tindakan dan tiada penyerahan balik wang selepas kes ini diserahkan kepada Peguam Negara.

JAWAPAN: YB Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz

Tuan yang di-Pertua,

Kes ini masih dalam peringkat siasatan oleh Bahagian Siasatan Jenayah Komersial IPD Barat Daya, Pulau Pinang dan Polis masih berusaha untuk mengesan suspek utama dalam kes penipuan tersebut yang telah menghilangkan diri setelah laporan Polis dibuat oleh pengadu. Pihak Polis telah menyenaraikan suspek sebagai orang yang dikehendaki (*wanted person*) dan hebahan telah dibuat di seluruh kawasan pentadbiran Polis di seluruh Negara.

Siasatan kes ini juga masih belum lengkap memandangkan dokumen-dokumen asal yang merupakan bahan bukti dalam kes ini belum dapat diperolehi kerana ia dipercayai dibawa bersama oleh suspek. Oleh itu, sebarang tindakan untuk membuat pemeriksaan perbandingan tandatangan yang dipercayai dipalsukan ke atas dokumen-dokumen tersebut ke Jabatan Kimia tidak dapat dilakukan. Setakat ini juga enam orang saksi telah dirakamkan percakapan mereka iaitu pihak pengadu, pihak SME Bank Cawangan Bayan Baru, pihak Izoma Sdn. Bhd. iaitu kontraktor utama dan juga pihak daripada Bahagian Kewangan, Kementerian Pengangkutan.

Isu mengenai penyerahan balik wang tidak timbul sama sekali kerana tidak ada sebarang harta atau wang yang dirampas atau disita oleh Polis dalam kes ini. Selain itu, kertas siasatan kes ini belum lagi dirujuk atau diserahkan kepada Jabatan Peguam Negara untuk apa-apa arahan atau tindakan.